

Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu

Syaidul Azam Kamarudin*, Arbai'e Sujud

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Article Information

Received 10 March 2017
Received in revised form 12
December 2017
Accepted 15 December
2017

Abstrak

Kajian ini menganalisis jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani. Jati diri Melayu merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam konteks pembangunan dan pemantapan jati diri Melayu, kajian ini adalah penting kerana melalui pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketegasan, kebijaksanaan dan pekerti bangsa Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Hal ini wajar diberi perhatian terutama dalam menghadapi polemik semasa serta cabaran globalisasi yang dikatakan mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa. Kajian ini dijalankan secara analisis kandungan dan analisis kajian menggunakan prinsip yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Manakala, aspek jati diri Melayu dalam puisi tersebut akan dianalisis melalui tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek agama dan jati diri dalam aspek budaya. Kajian mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan, dan nasihat yang dapat membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat. Ini kerana ianya berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Perkara ini sekaligus mencirikan kepnyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang mantap.

© 2017 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Keywords: A. Aziz Deraman; Jati diri Melayu; Teori Pengkaedahan Melayu

Malay identity in A. Aziz Deraman's selected poetry collection: An analysis of the *Pengkaedahan Melayu Theory*

Abstract

This study analyses the Malay identity in A. Aziz Deraman's collection of poetry entitled Suara Gunung Kehidupan and Gelora Nurani. Malay identity is a very important element because it contains treasures of the nation that must be maintained in the lives of the Malay community. In the context of the development and enhancement of Malay identity, this study is important because the understanding of a strong Malay identity will manifest Malay wisdom, unity, and character inherited from the ancestors. This is particularly important in facing the current polemics and challenges of the globalization which may change the identity of a nation. The study employed content analysis, and the principles of Pengkaedahan Melayu Theory by Hashim Awang were applied to analyse the poems. In addition, the Malay identity in the poems were analysed based on three essential aspects namely language, religion, and Malay culture. It was found that the authentic Malay identity shown by A. Aziz Deraman in his poetry could exemplify a reminder and advice, which could benefit and strengthen the society. This has its basis in the Islamic teachings and values which are also the principles of the Pengkaedahan Melayu Theory. Such principles feature the essence of A. Aziz Deraman's poetic ability which illustrates a strong Malay identity.

Keywords: A. Aziz Deraman; Malay identity; Pengkaedahan Melayu Theory

* Corresponding author: Tel.: +60133522303

E-mail addresses: syaidul@dbp.gov.my [Kamarudin, S.A.]; arbai'e@upm.edu.my [Sujud, A.]

PENDAHULUAN

Ungkapan jati diri adalah nadi kepada sesuatu bangsa yang mengamalkannya. Jati diri merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan dalam kehidupan. Melalui pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketatasusilaan, kebijaksanaan, ketaatan, akhlak dan pekerti bangsa yang merangkumi aspek bahasa, budaya dan agamanya yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Hal ini wajar diberi perhatian yang serius kini, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi yang dikatakan mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa.

Dapat dinyatakan di sini bahawa penyair yang melahirkan sesebuah puisi yang menyentuh soal jati diri secara tekal adalah penyair yang memahami dan menyelami resmi bangsanya terlebih dahulu. Tanpa pemahaman dan penghayatan yang tuntas tentang bahasa, agama dan budaya penyair akan gagal menghasilkan puisi yang berkesan. Oleh hal yang demikian, puisi-puisi jati diri mempunyai nilai manfaat hasil dari pengalaman diri penyair. Hal ini juga memperlihatkan pendirian dan keupayaan kreatif penyair yang tersendiri di samping dapat dikaitkan dengan sikap dan tujuan penyair yang mahu menyumbang sesuatu kepada bangsanya melalui isu-isu yang serius.

A. Aziz Deraman merupakan penyair yang dominan yang menerapkan unsur jati diri dalam menyampaikan amanat dan pengajaran secara tersurat atau tersirat dalam puisi-puisinya. Malahan isu jati diri telah menjadi tema utama beliau. Hal ini dapat dikaitkan dengan keperibadian dan penglibatan beliau yang aktif dalam dunia bahasa, sastera dan budaya Melayu. Beliau telah menghasilkan beberapa kumpulan puisi sebelum ini seperti *Kau dan Aku* (1994), *Bahtera Madani* (2001), *Gapura Diri* (2002), *Bicara Kasih* (2004), *Zaman Baru* (2006) dan *Mahligai Kencana* (2009). Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menumpukan kepada dua kumpulan puisi iaitu *Suara Gunung Kehidupan* (2014) dan *Gelora Nurani* (2015).

Justifikasi pemilihan ini kerana kedua-duanya merupakan kumpulan puisi terkini yang dihasilkan oleh beliau. Kumpulan puisi tersebut akan dikaji dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Fokus kajian ini bertumpu kepada aspek jati diri Melayu dalam puisi A. Aziz Deraman yang akan dianalisis menerusi tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek Bahasa Melayu, jati diri dalam aspek budaya dan jati diri dalam aspek agama. Secara umumnya Melayu ialah orang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup Melayu.

Sebagaimana diujahkan oleh Hassan Ahmad (2008), yang dimaksudkan dengan pandangan hidup Melayu yang jati ialah pandangan hidup Melayu yang terkumpul dalam atau sebagai warisan atau tradisi Melayu yang secara jelas dapat membezakan pandangan Melayu itu daripada pandangan hidup jati diri bangsa-bangsa lain. Cara paling baik dan lebih dipercayai atau *reliable* untuk mengetahui pandangan hidup Melayu yang jati ialah dengan mengkaji cara mereka berfikir dan mencipta ‘makna’ melalui bahasa, budaya dan kepercayaan agama mereka.

Dalam hal ini, aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dapat dikaitkan dengan karya yang menjurus kepada persoalan inti masyarakat Melayu. Tegasnya tentang dunia dan alam Melayu yang berpaksikan kepada ajaran Islam. Oleh hal yang demikian, pengkajian jati diri dalam sesebuah karya penting dalam menonjolkan jati diri bangsa dan relevan untuk pembinaan masyarakat, bangsa dan negara.

KONSEP JATI DIRI MELAYU

Adalah jelas dalam kajian ini bahawa kepentingan untuk memahami istilah ‘jati diri Melayu’ yang pastinya akan digunakan secara berterusan dan seterusnya dijadikan kayu ukur dalam menilai puisi-puisi yang dipilih. Dalam tahun 2014, Zamli Toti, Ruslin Amir dan Saemah Rahman mengkaji pembinaan instrumen jati diri pelajar sekolah menengah di Malaysia dan mendapati bahawa istilah jati diri berasal dari perkataan Perancis iaitu *identite* atau secara bahasanya sebagai *identitas* manakala dalam bahasa Latin, -tatis, terbit dari kata sifat Latin yang bermaksud “yang sama” (Rummens, 2001).

Kajian oleh Juriah Long (2012) menjelaskan bahawa konsep jati diri wujud dalam diri seseorang pada dua peringkat iaitu pada peringkat individu serta kelompok sosial yang dianggotainya. Pada peringkat

individu jati diri adalah sifat, ciri dan fikiran yang ada pada seseorang individu yang membezakannya dengan individu yang lain. Namun, jati diri seseorang individu tidak terhasil daripada komponen psikologi sahaja tetapi ia juga terhasil melalui proses sosialisasi individu tersebut dalam masyarakat yang dianggotainya. Justeru, jati diri atau identiti diri seseorang individu merangkumi sifat dan ciri individu serta ciri sosiobudaya (Edwards 2003; Ta rbouret-Keller, 1997).

Jati diri merangkumi sifat unik dan istimewa yang menjadi amalan sehingga kekal dalam diri sesuatu bangsa. Dalam konteks ini, Abdul Latiff Abu Bakar (2004) mendefinisikan jati diri sebagai kekuatan dalaman, ketekalan, ketabahan dan segala yang membawa maksud teguh yang berpasak kukuh dalam diri sehingga tidak boleh diganggu gugat. John Locke (dalam Abdullah Hassan, 2009) menyatakan bahawa kesamaan seseorang individu terkandung dalam kesamaan inti pati mindanya. Inti pati minda yang dibawa semenjak kecil sehingga besar ini tidak akan berubah. Perkara ini merupakan kesinambungan memori diri. Kesinambungan memori diri yang tidak berubah inilah sebenarnya menjadi inti pati kepada jati diri. Abdullah Hassan (2009) telah merumuskan ciri-ciri yang membentuk jati diri sesuatu bangsa dengan lebih menyeluruh dan terperinci. Beliau telah mengupas definisi jati diri individu dan bangsa menggunakan kamus falsafah dan rujukan silang kepada beberapa definisi daripada ahli sosiologi, sejarah dan sains politik. Berdasarkan kupasan tersebut dirumuskan bahawa terdapat lima ciri yang membentuk jati diri bangsa, yakni bahasa, kebudayaan, agama, leluhur dan tempat tinggal yang sama.

Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2002) telah memetik pandangan Abdul Aziz bahawa, jati diri Melayu bermula dengan pentaksiran “Melayu” itu sendiri. Pentakrifan yang formal dapat dilihat dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 160 (2) memperuntukan orang Melayu sebagai seorang yang beragama Islam, lazim bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa tiga asas utama dalam menilai kemelayuan iaitu agama, bahasa dan istiadat. Pemahaman ini turut selari dengan pendapat Hassan Ahmad (2008:23) yang menjelaskan pandangan hidup Melayu yang jati adalah seperti berikut:

Yang dimaksudkan dengan pandangan hidup Melayu yang jati ialah pandangan hidup Melayu yang terkumpul dalam atau sebagai warisan atau tradisi Melayu yang secara jelas dapat membezakan pandangan Melayu itu daripada pandangan hidup jati diri bangsa-bangsa lain. Cara paling baik dan lebih boleh dipercayai atau *reliable* untuk mengetahui pandangan hidup Melayu yang jati ialah dengan mengkaji cara mereka berfikir dan mencipta ‘makna’ melalui bahasa, budaya dan kepercayaan agama mereka.

Siddiq Fadil (dalam Awang Sariyan, 2001) pula mentakrifkan jati diri Melayu dalam pentakrifan konseptual. Menurutnya, jati diri Melayu berdiri atas dua asas utama: agama dan budaya. Kedua-dua unsur inilah yang mewarnai kehidupan umat Melayu, sehingga kini kita dapat membezakan orang Melayu dan bukan Melayu. Pendapat ini disokong oleh Mohd Yusof Othman, dan beliau melihat senario ini dari perspektif sejarah. Berdasarkan ikhtisar sejarah secara kronologi, pegangan umat Melayu dari Hindu, ke Buddha, sehinggalah kepada sistem kehidupan yang syumul yang dipegangnya kini iaitu Islam. Pada pendapat pendapat beliau, jati diri Melayu adalah bertunjangkan ajaran Islam itu sendiri. Menurut Syed Hussin Al-Attas (dalam Awang Sariyan, 2001), dalam pengkajian ketamadunan Melayu perubahan dari kepercayaan Buddha kepada Islam amat signifikan dan melambangkan bukan sahaja perpindahan ritual bahkan anjakan kefalsafahan dan pemikiran. Seterusnya, Awang Had Salleh pula berpendapat tiga tonggak yang penting menjadi asas kekuatan dan jati diri orang Melayu iaitu agama, bangsa Melayu dan bahasa. Menurutnya untuk mengekalkan kekuatan dan survival bangsa Melayu, ketiga-tiga elemen ini mestilah diperkukuh (Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2002).

Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2002), telah merumuskan bahawa jati diri Melayu bukanlah sesuatu yang bersifat lahiriah semata-mata. Ia merupakan sesuatu yang bersifat abstrak walaupun tidak dinafikan bahawa kewujudan konseptual ini dizahirkan melalui perlakuan, pertuturan dan penulisan. Dalam konteks jati diri Melayu, walaupun selepas kemerdekaan telah mengalami pelbagai tranformasi, ia harus berpegang kuat kepada tunjang adat, budaya dan bahasa Melayu yang diterasi ketauhidan dan syarak islamiyah kerana bukti-bukti jelas menunjukkan itulah asas kepada jati diri dan ketamadunan Melayu mutakhir. Melalui petikan pendapat di atas dengan jelas memperlihatkan kesejajaran dan pertalian pengertian jati diri yang kukuh dan selari antara satu sama lain. Dalam kata lain, tidak terlihat

perbezaan yang ketara. Perkara yang penting difahami daripada penjelasan di atas ialah aspek bahasa, budaya dan agama memainkan peranan yang penting dalam pembinaan jati diri Melayu.

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana di atas dapatlah dibuat hipotesis bahawa jati diri Melayu terdiri daripada:

1. Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan (teras jati diri Melayu).
2. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengucapan dan pengaliran idea serta pemikiran.
3. Peradaban dan kesusilaan orang Melayu (terdiri daripada budaya, adat dan perwatakan orang Melayu yang tidak bertentangan dengan yang pertama).

(Muhamed Fauzi Othman & Mohd. Azhar Abd. Hamid, 2002)

Oleh hal yang demikian, dalam konteks kajian ini dirumuskan bahawa jati diri Melayu merujuk kepada pemahaman dan penghayatan aspek agama, bahasa dan budaya yang terkandung di dalamnya sifat-sifat unik dan istimewa sebagai simbol dan teras peribadi bangsa Melayu. Seterusnya, sifat positif atau nilai murni peribadi yang dibanggakan ini menjadi pegangan teguh dan mengukuh dalam diri bangsa Melayu sehingga tidak dapat diganggu-gugat lagi. Untuk itu, jati diri Melayu merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan. Ciri-ciri inilah yang dijadikan asas dalam kajian ini untuk memperjelas jati diri Melayu yang terdapat dalam karya yang dikaji.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU OLEH HASHIM AWANG

Menurut Hashim Awang (2002), Teori Pengkaedahan Melayu termasuk ke dalam golongan yang dikenali sebagai *grounded theory* atau 'teori beralas / berlandas' yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, iaitu di dalamnya terkandung rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastra dan amalan- amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu.

Seterusnya bertolak daripada kenyataan asas bahawa karya penulis Melayu dipengaruhi oleh alam dan berpaksikan agama Islam, maka Hashim Awang (2002) telah membina Teori Pengkaedahan Melayu yang dibahagikan kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang fungsinya saling berkaitan antara satu sama lain. Setiap pengkaedahan tersebut dibahagikan pula kepada beberapa pendekatan. Pengkaedahan alamiah mengandungi tiga pendekatan, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Pengkaedahan keagamaan juga menyenaraikan tiga pendekatan, iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan pendekatan seni.

3.1. Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah adalah berteraskan kepada sikap atau cara hidup masyarakat Melayu itu sendiri iaitu corak yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Menurut Hashim Awang (2002), teori ini didasarkan kepada anggapan bahawa sastra merupakan salah satu daripada objek daripada hasil ciptaan objek lain yang diciptakan Tuhan, manakala sastra adalah hasil ciptaan manusia. Dengan berdasarkan pandangan tersebut, maka sastra dilihat sebagai suatu objek alam, yang kejadiannya mempunyai sebab hikmah dan fungsi tertentu. Selain itu, masyarakat Melayu memiliki kehalusan budi bahasanya. Kesan daripada itu mereka mempunyai daya kehalusan dalam cara mereka memberikan tunjuk ajar, panduan atau pengajaran kepada golongan tertentu dalam masyarakat. Dengan ciri unik dan tersendiri itu, maka pengkajian sastra Melayu memerlukan kaedah tersendiri, yang sesuai dengan corak, bentuk dan latar belakang pertumbuhan serta perkembangannya. Pendekatan alamiah berteraskan kepada cara atau sikap hidup masyarakat Melayu terhadap alam yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Alam dijadikan faktor utama untuk memberikan mereka pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan (Hashim Awang, 1993a). Dengan tanggapan yang demikian, Hashim Awang menjelaskan tiga pendekatan yang tergolong dalam pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Dalam konteks ini, Chong Ah Fok (2008) memetik pendapat Sahlan Mohd Saman (2002) yang mengatakan bahawa ketiga-tiga 'pendekatan' itu menyatu ke dalam kelongsong alamiah yang

dikelompokkan kepada 'fitrah, ciri, citra, pemikiran, falsafah' Melayu yang harus mampu dibezakan dengan non-Melayu.

3.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan didasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek daripada hasil ciptaan, iaitu alam ciptaan Tuhan dan sastera merupakan ciptaan manusia. Sastera adalah ciptaan manusia dan fungsi utama ciptaannya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Justeru, sastera wajar dikaji melalui pendekatan ini (Hashim Awang, 1993a). Selain daripada Pendekatan Gunaan melihat kesusasteraan itu sebagai suatu objek atau benda ciptaan yang sama dengan konsep penciptaan objek-objek lain ciptaan Tuhan. Zurinah Hassan (2010) menjelaskan bahawa kejadiannya atau ciptaannya itu mempunyai sebab, hikmah, fungsi tujuan, serta ukuran dan imbangannya. Ukuran danimbangan ini boleh dinilai dari segi isi dan strukturnya. Di samping itu, kejadian itu (kejadian kesusasteraan) boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti objek alam yang lain.

3.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral merupakan lanjutan daripada pendekatan Gunaan. Pendekatan moral timbul ekoran daripada tanggapan dasar yang dipegang tadi, iaitu sastera di samping dianggap sebagai objek alam, juga merupakan suatu kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Pengalaman tersebut biasanya terdiri daripada dua perkara penting iaitu tentang peristiwa yang dilalui oleh manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitaran mereka. Perlakuan manusia tersebut dapat dinilai aspek positif dan negatifnya untuk dijadikan contoh teladan dan batas sempadan. Maka sastera dapat menepati konsep kepustakaan yang di dalamnya boleh ditimba sebanyak mungkin pengajaran dan pengalaman (Hashim Awang, 1993b).

Karya sastera itu sebagai objek alam yang mengalami proses pembentukan atau penciptaan. Dalam proses penulisannya, ia melibatkan pelbagai perkara dan kegiatan. Antara lain ia melibatkan pengumpulan bahan penulisan yang terdiri daripada manusia, kehidupannya dan kejiwaannya. Hal ini diperolehi melalui pengalaman dan pentafsiran pengarang terhadap manusia dan lingkungannya. Ada dua bentuk pengalaman yang terserap dalam hasil karya sastera itu. Bentuk pertama merupakan pengalaman tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku atau dilalui oleh manusia. Peristiwa-peristiwa itu ada banyak ragamnya sama ada yang positif mahu pun yang negatif. Keragaman peristiwa itu sebahagian besarnya boleh menjadi contoh dan teladan dalam hidup pembaca, umpamanya peristiwa-peristiwa dalam novel. Melalui pengalaman-pengalaman sedemikian, pembaca sudah tentu akan memikirkan bahawa kehidupan ini penuh dengan ketidakpastian. Teladan yang diperolehi daripada kehidupan watak boleh dijadikan iktibar. Peristiwa yang menimpa juga mengajar manusia bahawa mereka mestilah bersedia untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan atau takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Bentuk pengalaman yang kedua ialah maklumat-maklumat berkenaan dengan hidup dan kehidupan manusia itu. Perkara yang dimaksudkan di sini ialah ilmu dan pengetahuan berkenaan sesuatu disiplin ilmu yang diketahui oleh pengarangnya, yang diperolehi sama ada secara formal mahu pun informal. Kesemua perkara itu diadun ke dalam karya sastera dengan kekuatan daya kreativiti pengarang. Oleh itu, sastera dilihat mampu menyediakan pelbagai ilmu dan pengetahuan seperti ilmu dalam bidang budaya, sosial, ekonomi, dan politik, yang boleh menambah pengetahuan dan pengajaran kepada pembaca di samping mempunyai nilai-nilai estetik (Zurinah Hassan, 2010).

Moral dalam konteks ini bermaksud, dalam sesuatu karya itu perlu didasari pengalaman pengarang yang ada dalamnya terkandung ilmu pengetahuan. Pengarang menulis karya sastera adalah berdasarkan pengalaman dan tentu ada sesuatu yang berguna dari segi pengetahuan. Bermakna dalam sastera itu ada pengalaman dan ilmu tentang apa yang diceritakan oleh pengarang. Jadi moral adalah percambahan ilmu dan persoalan tentang ilmu. Moral itu juga berkisar kepada permasalahan pengalaman ilmu-ilmu yang boleh diambil atau diteroka dalam karya sastera.

3.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat adalah sama dengan Pendekatan Moral yang ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Kejadian tersebut dikaitkan pula dengan mimpi iaitu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya dapat dilakukan menerusi takbir atau tafsiran. Ia juga merupakan satu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya (Hashim Awang, 1994). Kejadian ini dikaitkan dengan mimpi kerana mimpi itu ialah suatu pengalaman hidup yang penuh misteri. Sebahagian besar masyarakat Melayu menganggap mimpi itu penting dan bermakna dalam kehidupan. Mimpi yang diperoleh semasa tidur (tidur ialah kejadian alam) berlaku secara bawah sedar, maknanya perlu ditakbir atau ditafsir. Karya sastera juga boleh disifatkan sebagai ‘mimpi’ tetapi dilakukan secara sedar.

Bertepatan dengan proses penciptaannya, sastera juga menyerupai kejadian suatu mimpi. Ia merupakan suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau maksud, yang penemuannya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses takbir atau tafsiran. Kemisteriannya itu terdapat dalam bentuk corak atau teknik penyampaiannya, seperti penggunaan bahasa yang berlapis, pemakaian lambang, penamaan dan pemerian sifat watak, serta aspek penceritaannya yang kompleks. Kemisteriannya itu juga terdapat dalam corak persembahannya, maksudnya karya sastera itu mengandungi makna di sebalik apa yang berlaku. Ini bererti bahawa sastera itu mengandungi dua lapis makna, iaitu lapis makna yang tersurat dan lapis makna yang tersirat. Makna yang pertama adalah jelas, tetapi makna yang kedua memerlukan mata hati, atau pemikiran dan keintelektualan untuk memahaminya. Hal yang pertama itu dipenuhi dengan penanda atau alamat tertentu, yang terkandung dalam pemaparan pengisahan dan maklumat pada hasil karya sastera. Dari lapis yang tersurat ini akan diperoleh makna lain iaitu makna yang lebih besar dalam hasil karya sastera. Biasanya makna yang tersembunyi itulah yang menjadikan sesuatu hasil karya sastera benar-benar bermutu (Hashim Awang, 2002).

Memahami makna yang tersirat memerlukan pentafsiran (takbir). Kerja mentakbir atau mentafsir itu dapat dilakukan melalui pemahaman pada penanda-penanda yang terdapat pada lapis yang tersurat, serta proses berfikir dan menaakul secara kritis dan terbuka yang berpandukan kepada akal (gerak hati) dan ilmu pengetahuan. Ini bermakna untuk memperoleh makna yang tersirat (petanda) karya sastera itu perlu dicari penanda-penanda atau alamatnya terlebih dahulu (Chong Ah Fok, 2008).

3.2 Pengkaedahan Keagamaan

Seterusnya, Pengkaedahan Keagamaan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan agama Islam. Sumber paling besar yang menjadi bahan rujukan ialah Al Quran dan Hadis. Pembentukannya pula adalah bersandarkan tujuan menyerlahkan sifat-sifat keagungan Allah dengan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Dengan ciri-ciri tersebut, Hashim Awang menggariskan tiga pendekatan yang saling berhubungan antara satu sama lain. Ketiga-tiga pendekatan tersebut lebih memberikan penekanan kepada tiga nilai utama sastera Islam iaitu estetika, moral dan keagungan Allah. Pendekatan tersebut dikenali sebagai pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni (Hashim Awang, 1994).

3.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Setiap karya sastera itu dianggap boleh menyampaikan persoalan-persoalan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah. Sastera di sini dapat diibaratkan sebagai ‘kitab’ yang dapat membantu insan mengenali dengan lebih dekat, sifat dan diri Tuhan sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan terhadap-Nya. Oleh itu, karya sastera dilihat sebagai mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam. Di samping itu, karya sastera juga dikatakan boleh memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat mengembang agama Islam (Hashim Awang, 2002).

3.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan pula menekankan unsur kebaikan dalam karya sastera. Karya sastera dianggap sebagai pendedahan segala persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Dalam konteks ini, sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan kemunggaran, ketidakadilan, penipuan, kepura-puraan, rasuah dan pelbagai permasalahan yang dianggap sebagai punca kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Daripada dasar itu kajian sastera dapat ditumpukan kepada soal isi dan tema yang terpancar dari permasalahan tersebut. Kajian juga ditumpukan kepada latar belakang penulis untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan penulis itu sendiri yang dipaparkan dalam karya sastera mereka. Kajian ini mungkin menimbulkan kajian yang berkaitan dengan soal syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut keIslaman (Hashim Awang, 1994).

3.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan Seni digunakan untuk menilai aspek dalaman karya sastera itu, iaitu menjadikan unsur keindahan dalam karya sastera sebagai persoalan pokok. Keindahan di sini ialah keindahan yang terbatas kepada nilai-nilai etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam. Penelitian dan penilaian boleh dilakukan berdasarkan kepelbagaian pada bentuk jasmani dan rohaninya, pada gaya pemaparan dan pemilihan tema, watak, plot, sudut pandangan, gaya penceritaan atau gaya bahasanya. Hashim Awang menambah bahawa keindahan itu mesti berteraskan tauhid, iaitu alam dalam penelitian sastera ialah menemukan segala-galanya untuk kemudiannya kembali kepada memperkukuhkan tapak asas yang murni lagi suci iaitu keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah (Hashim Awang, 1994).

Menurut Hashim Awang (1998) keindahan itu adalah berteraskan tauhid. Dalam hal ini beliau menegaskan bahawa penghasilan atau penulisan sastera juga merupakan suatu amalan yang turut dituntut. Pembentukannya (sastera) dalam acuan yang ada keteraturan dan keindahan, terutama keindahan yang memiliki nilai-nilai makna dan hikmah, seperti yang terdapat pada keindahan alam semesta ciptaan Allah. Hashim Awang merumuskan bahawa sastera Melayu yang bersifat tersendiri adalah wajar diteliti daripada kaedah dan pendekatan tersendiri pula. Kedua pengkaedahan dan pendekatan yang berasaskan sikap hidup, kepercayaan dan keagamaan adalah dianggap paling layak dan berkesan. Terakhir, penggunaan pengkaedahan dan pendekatan yang demikian sifatnya dikira dapat menyerlahkan dengan lebih benar dan jelas ciri-ciri sastera Melayu di samping dapat pula memperkaya dan memperkukuhkan pengkajiannya.

Tegasnya, Hashim Awang (1998) telah memfokuskan teori ini kepada soal inti kehidupan masyarakat Melayu yang dibina dalam Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Seterusnya dapat dikaitkan dalam mengkaji jati diri Melayu. Teori-teori Barat tidak sesuai digunakan sebagai kerangka analisis terutama dalam mengkaji jati diri Melayu kerana tetap dianggap asing dengan cara hidup tempatan. Hal ini dapat dikaitkan melalui pemahaman agama, budaya dan nilai yang berbeza. Teori Pengkaedahan Melayu juga telah berkembang dalam tempoh kira-kira 28 tahun (1989-2017). Hal ini memperlihatkan kemantapannya melalui pelbagai kajian dan penambahbaikan teori.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan dilakukan secara analisis kandungan untuk meneliti jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani. Oleh itu, kajian ini memilih mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dibina oleh Hashim Awang berpandukan pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membataskan kepada jati diri yang terkandung dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman. Jati diri akan dianalisis melalui tiga aspek iaitu Jati diri Melayu dalam aspek Bahasa Melayu, jati diri Melayu dalam aspek agama dan jati diri Melayu dalam aspek budaya

5.1 Jati Diri Melayu dalam Aspek Bahasa Melayu

Bangsa yang utuh akan memelihara ketinggian bahasanya. Bahasa Melayu mempunyai kelebihannya yang tersendiri dalam menggambarkan akal budi dan jati diri orang Melayu. Di samping dapat memahami akar budaya bangsa jati diri dalam aspek Bahasa Melayu juga dapat membentuk masyarakat yang mulia. Menyedari kepentingan dan keperluan Bahasa Melayu sebagai aspek jati diri yang harus dipertahankan, penyair A. Aziz Deraman telah menyampaikan maksud tersebut melalui puisi-puisinya. Percakapan tentang Bahasa Melayu diselitkan oleh A. Aziz Deraman dalam kumpulan puisi Suara Gunung Kehidupan (2014) antaranya Zaman Pancaroba, Pohon Besar Bangsa, Kokok Ayam Tenom, Adat Adab Adat Kita, Kasih Bahasa dan Jalan Merdeka. Dalam Gelora Nurani (2015) antaranya Pancang-pancang, Hujan Senja, Lebu Raya Cipta, Budi Kepada Bahasa dan Kepada Rakan-rakan.

Pengungkapan perihal bahasa dan sastera Melayu merupakan satu kecenderungan diri penyair apabila menulis puisi. Aspek ini digembleng oleh penyair dengan wawasan masa depan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa dalam teori Pengkaedahan Melayu karya yang membawa nilai kemanfaatan menjadi prinsip pentingnya. Dengan menekankan penghayatan jati diri terhadap bahasa Melayu, puisi penyair ini telah menyalurkan kemanfaatan dan nilai kemuafakatan kepada masyarakat. Hal ini dinyatakan penulis seperti berikut:

Pohon Besar Bangsa

Ribuan tahun pohon besar bangsa kita
cengkam akarnya tegak batang di buana
kukuh dahan julur ranting ranum buah ilmu
dijaga semua tahu ke mana hala tuju
gagah naungi falsafah pemikiran peradaban
paut umat berpadu penuh keberkatan
pepohon kecil bahasa daerah pun tumbuh
segar nusa kencana berjiwa ke lautan teduh
sampai wilayah serantau penuh sungguh
isi yang kosong tepati setiap kekosongan
di situ siasah dan iktisad nusa pengaruhi alam
di situ adab dan adat bangsa terjulang
di situ seni dan warisan budaya berkembang
di situ mulia nilai akhlak meluaskan amalan
....

(Suara Gunung Kehidupan, 2014:66)

Selain itu, pendekatan firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu itu bertolak daripada tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang ditulis berkaitan hidup penyair. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan firasat bertolak daripada tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang dirakamkan dan dimanifestasikan dalam pengalaman hidup. Dalam konteks ini, pengalaman hidup itu lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan unsur misteri dan imaginatif. Ia menyamai seperti suatu kejadian 'mimpi' yang ternyata amat misteri sifatnya.

Dalam puisi ini, pohon sebagai unsur alam dapat ditafsir melalui pendekatan firasat sebagai mengandungi makna tersirat yang penemuannya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses tadbir dan

tafsiran. Hal ini dapat dikaitkan dengan prinsip pendekatan firasat iaitu, setiap kejadian alam mempunyai sifat-sifat zahir dan batin, atau yang tersurat dan tersirat (Hashim Awang, 1989). Dalam puisi ini penyair menggunakan perlambangan pohon yang boleh ditafsir melalui pendekatan firasat bahawa bahasa mempunyai pelbagai peranan yang penting. Hal ini dinyatakan penyair melalui frasa, “di situ siasah dan iktisad nusa pengaruhi alam/di situ adab dan adat bangsa terjulang/di situ seni dan warisan budaya berkembang/di situ mulia nilai akhlak meluaskan amalan”.

Dengan menggunakan perbandingan, penggunaan pohon sebagai tanda di dalam puisi ini juga dilihat berkait rapat dengan fungsi sesuatu bahasa. Bahasa Melayu telah memainkan peranannya dalam perkembangan budaya dan peradaban. Pohon yang tumbuh merupakan kejadian alam semula jadi. Proses pertumbuhan ini menggambarkan semangat yang tumbuh dalam diri seseorang. Walaupun menempuhi perubahan zaman, penyair tidak mahu bangsanya keliru untuk mempertahankan martabat dan kedudukan bahasa Melayu, seperti kata penyair:

....

Tetapi kini masuk ke abad baharu-bangsa kita keliru
pohon besar peradaban kita itu- yang mana satu
bahasa siapa bahasa apa kita ke puncak mercu!

(Suara Gunung Kehidupan, 2014:66)

Seterusnya, puisi Kasih Bahasa dan puisi Budi Kepada Bahasa memperlihatkan peranan Bahasa Melayu sebagai jati diri yang perlu dipertahankan.

Kasih Bahasa

Apabila kukenang laluan cabaran
dan harapan perkasa kedaulatan
sebuah bahasa sebuah peradaban
hatiku terusik oleh rasa terpisah
jiwa bangsa yang semakin gelisah
tanpa sedar digoda bicara orang
kita tidak pasti di persimpangan.

Bahasaku bukan sekadar kegunaan
atau penggunaan yang kian suram
walau sukar dikembang dirancang
bahasa yang baik murni dan benar
jangan keyakinan kehilangan sinar.

...

(Suara Gunung Kehidupan, 2014:105)

Dalam puisi ini penyair menyampaikan realiti yang dihadapi bangsa Melayu iaitu sedang berhadapan dengan krisis jati diri terhadap kemampuan Bahasa Melayu itu sendiri melalui frasa “Bahasaku bukan sekadar kegunaan/atau penggunaan yang kian suram/walau sukar dikembang dirancang/bahasa yang baik murni dan benar/jangan keyakinan kehilangan sinar”. Selaras dengan Pendekatan Kemasyarakatan, penyair menulis tentang permasalahan masyarakat di sekelilingnya. Penyair menjadikan puisi sebagai medium penyampai nasihat. Satu perkara yang jelas di sini ialah keupayaan penyair mengolah peristiwa semasa sebagai rakaman realiti masyarakat. Hal ini dilihat menepati kehendak Pendekatan Kemasyarakatan dalam Pengkaedahan Melayu itu sendiri yang menyatakan bahawa, sastera dilihat sebagai alat pendedahan segala macam persoalan, yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Dalam puisi ini penyair telah memanfaatkan hasil sastera sebagai penyaluran kesedaran kepada masyarakat. Ini menjelaskan bahawa sastera mempunyai hubungan yang akrab dan pertalian yang mesra

dengan kehidupan sesebuah masyarakat itu. Situasi ini turut menepati pandangan Hashim Awang yang menyatakan bahawa sastera mempunyai hubungan yang amat erat dengan alam dan kehidupan manusia.

Demikian juga dalam puisi Budi Kepada Bahasa yang turut menepati prinsip pendekatan kemasyarakatan dengan memperlihatkan kesan buruk sekiranya Bahasa Melayu diabaikan. Puisi ini memaparkan kekusaran penyair terhadap cabaran yang dipikul oleh bahasa Melayu dan bangsa Melayu yang semakin luntur jati dirinya.

Budi Kepada Bahasa

....

Adab bangsa akan retak
berderai tidak bertapak
bahasa yang diabaikan bangsa
tersisih kita dari hati dunia
kita hilang rupa hilang rasa
akhirnya mahu ke mana?

Kalau rakyat buta sejarah
celik budaya parah serakah.

Kalau bangsa tidak sedar insaf
roboh ke jurang tanpa saf.

Kalau khazanah digali orang
pasti isinya bertukar tangan.

Kalau bangsa berantakan
diri peroleh tulang temulang.

(Gelora Nurani, 2015:135)

Puisi ini bertujuan untuk mencapai kebaikan dan kemuafakatan dalam kalangan masyarakat agar peka kepada citra jati diri dan warisan bangsa. Di samping itu, ungkapan “Kalau rakyat buta sejarah/celik budaya parah serakah/ Kalau bangsa tidak sedar insaf/roboh ke jurang tanpa saf/Kalau khazanah digali orang/pasti isinya bertukar tangan/Kalau bangsa berantakan/diri peroleh tulang temulang” jelas mempunyai nilai kemasyarakatan yang ingin disampaikan oleh penyair sebagai pedoman kepada ahli masyarakatnya. Sisipan pemikiran penyair seperti ini menjadi citra terhadap pembinaan jati diri bangsa dalam ruang perpuisiannya.

Puisi Hujan Senja memperlihatkan peranan Bahasa Melayu sebagai jati diri bangsa yang perlu dipertahankan.

Hujan Senja

Rintik hujan senja di kuala
menjelang malam wajah nusa
musim duka pensyair galas waktu
hitung langkah pemimpin bernafsu
buang yang dijunjung pikul yang baru
musim kemarau kononnya telah berlalu
duka bahasa dunia budaya ilmu
ada wahana baru ganti pilu.

...
Jika mata kurenung ke angkasa
bisakah hujan senja bawa berita
benarkah kita bangsa berjiwa bahasa
memajukan negara membina bangsa?
lihat kenapa dunia di sana terbilang
kasihkan bahasa majukan peradaban
ke lubuk hati di dakap sayang?

(Gelora Nurani, 2015:70)

Dalam Teori Pengkaedahan Melayu, kejadian alam bersifat sebagai pengalaman hidup adalah menepati pendekatan moral. Ia melihat kepentingan pengucapan berdasarkan pengalaman yang mampu menyediakan pelbagai ilmu yang boleh menambah pengetahuan dan memberi nilai pengajaran kepada pembaca. Latar kerjaya penyair yang pernah menerajui institusi bahasa dilihat membantu isian puisi yang berilmu berdasarkan pengalaman.

Berdasarkan kajian, penyair merupakan seorang tokoh yang mempunyai latar pengalaman dan penglibatan yang luas dalam dunia bahasa, sastera dan budaya Melayu. Hal ini membentuk pandangan hidup penyair yang dilihat melalui prinsip pendekatan moral, berupaya memberi faedah dan kemanfaatan kepada masyarakatnya. Dalam konteks ini, pendekatan moral melihat kepentingan pengucapan berdasarkan pengalaman yang dilihat mampu menyediakan pelbagai ilmu yang boleh menambah pengetahuan serta memberi nilai kepada pembaca. Harapan penyair agar negara dan bangsanya terus maju tanpa meminggirkan bahasa Melayu seperti dalam ungkapan “benarkah kita bangsa berjiwa bahasa/memajukan negara membina bangsa?” Dengan kecenderungan penyair kepada puisi yang berbentuk prosaik, penyair juga dilihat mempunyai banyak kesempatan untuk memanfaatkan puisi dengan isian isu jati diri secara lebih serius.

Hal ini telah mencirikan kepenyairan Melayunya dengan pengukuhan jati diri terhadap bahasa dan sastera Melayu. Keadaan ini menjadi daya penggerak dalaman dan luaran yang membantu pencitraan jati diri Melayu dalam puisi-puisinya. Ringkasnya, A. Aziz Deraman gigih memperjuangkan bahasa dan sastera Melayu dalam puisi-puisinya. Jalur perpusiannya yang secara berterusan berkobar dengan semangat, lantang dan kadang kala beremosi adalah tindak balas perlakuan masyarakat yang berada di sekitarnya. Pandangan beliau ini diadunkan dalam puisi demi martabat bangsa Melayu keseluruhannya.

5.2 Jati Diri Melayu dalam Aspek Budaya

Pemilihan persoalan, tema atau mesej dalam penulisan puisi berkait rapat dengan latar pendidikan penyair, pemikirannya, hubungan sosial dan karier yang membentuk sudut pandang terhadap puisi yang dihasilkannya. Puisi dengan keindahan bahasa dan susunan terbaik menjadi cerminan jiwa dan peribadi penulisnya. Shafie Abu Bakar (2004) menjelaskan pengaruh pendidikan, lingkungan alam sekitar dan tugas harian (pekerjaan) amat mempengaruhi penulisan seseorang. Dalam konteks ini puisi A. Aziz Deraman, sebahagian besarnya mengambil tema atau persoalan yang berhubung dengan kerjayanya sebagai seorang pentadbir yang berhubung dengan budaya. Aspek ini membudayakan dirinya, mempengaruhi falsafah dan sudut pandangnya, penghidupan dan citra perjuangannya. Hal ini, yakni jati diri budaya dalam puisi A. Aziz Deraman dapat dilihat sebagai pelestarian citra terhadap budaya bangsanya.

Menyedari kepentingan pemeliharaan dan pelestarian budaya Melayu yang bertujuan untuk memantapkan jati diri bangsa, penyair A. Aziz Deraman menyampaikan maksud tersebut melalui puisi-puisinya. Percakapan tentang budaya diselitkan oleh A. Aziz Deraman dalam kumpulan puisi Suara Gunung Kehidupan (DBP, 2014) antaranya Suara Rebana Ubi, Rebana Bangsa dan Galas Dagang. Dalam Gelora Nurani (ITBM, 2015) antaranya Ilmu Setukil, Memilih Pelabuhan dan Semangat Seni Permainan. Ungkapan persoalan kebudayaan Melayu merupakan salah satu aspek yang turut digemari oleh penyair. Pandangan penyair dalam persoalan ini meliputi seni budaya tradisi seperti persembahan wayang kulit, permainan gasing, wau, seni silat, rebana, kertuk, sepak raga, congkak, seni ukir, menora dan makyung.

Budaya ini wajar dipertahankan sebagai warisan yang tinggi nilainya. Di samping itu, terlihat kegusaran penyair terhadap unsur-unsur budaya lain yang menular masuk dan boleh mempengaruhi ketulenan budaya Melayu. Pengaruh ini boleh menghakis jati diri Melayu yang sebenar. Penyair menyatakan pendirian terhadap pengekal budaya Melayu sebagai warisan yang harus dibanggakan turun-temurun. Hal ini dinyatakan penyair antaranya dalam puisi *Rebana Bangsa*.

Rebana Bangsa

Rebana besar-asal usul nama ternama
dipalu orang ke nusa timur tenggara
beza nama, beza cara, beza nada
dalam lambang budaya berbeza
kodo jepun gendang besar china
terhias majlis segala acara bangsa
senang di mata nyaman di telinga
berkobar semangat-nyala api jiwa
Tahukah bangsaku- itu warisan budaya
Adat resamnya- kekal ke hujung masa.

Funan ke sejarah nusa merdeka
nekaranya terhias sejarah kita
tembaganya terukir falsafah budi
budaya bangsa ada jati diri
rebana bangsaku-rebana ubi.

(Suara Gunung Kehidupan, 2014:16)

Penyair yang juga dikenali sebagai budayawan merakamkan pengamatannya terhadap budaya sebagai sisipan pengetahuan untuk kemanfaatan manusia selaras dengan prinsip teori Pengkaedahan Melayu itu sendiri. Ditinjau berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu, puisi tersebut selaras dengan prinsip pendekatan gunaan iaitu pengalihan karya yang mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu berdasarkan ukuran dan imbangannya. Ukuran dan imbalan ini boleh dinilai dari segi isi dan strukturnya. Di samping itu, kejadian ini boleh dimanfaatkan oleh manusia dan masyarakatnya.

Untuk menyampaikan nilai gunaan tersebut, pengamatan budaya yang dipaparkan penyair dalam puisi ini dapat digunakan sebagai pengiktibaran. Budaya dan adat resam tidak seharusnya ditinggalkan, malah diseru oleh penyair supaya terus dipelihara. Penyair menyalurkan harapan ini melalui ungkapan “Tahukah bangsaku - itu warisan budaya/Adat resamnya- kekal ke hujung masa”. Penyair berusaha menghasilkan isian puisi yang berhikmah dan mampu membawa khalayak menghargai jati diri budaya yang dibanggakan.

Dalam puisi *Semangat Seni Permainan* pula terlihat perkaitan dengan kegiatan permainan rakyat yang menjadi aspek penting kebudayaan Melayu dengan persekitarannya yang bersifat kedaerahan.

Semangat Seni Permainan

...
Dulu kita main wau sendiri
wau siapa naik tinggi
kita main gasing
gasing siapa ligat berpusing
gasing pangkah tanda bijak
jangan kepala orang pijak
tengok rebana kertuk
sepak raga, sepak bulu ayam

jaga diri jangan telentang
lumba perahu siapa dahulu
tunjuk laju cekap maju.

Kita pergi serata daerah
mainan banyak boleh pilih
berlumba tarik upih
main cakjeng berdiri galah
tahan langkah tidak kalah
main ketuk kepala ular
pandai ketuk tidak liar
tibai anak congkak selambut
kita main dalam lembut
jantan betina sama-sama main
tanda sepakat kita berkawan.

...

Kalau petang lepas Zuhur
mengaji Quran di balaisah
balik mengaji bidas burung
atau mengail guna pelampung

...

Kalau habis musim mengetam
ramai-ramai kita ke padang
ada makyung ada wayang kulit
tengok Menora Siam depan ketik
dengar dikir barat hebat
tuk juara tukang karut suara sedap
terbit segala pantun ibarat.

(Gelora Nurani, 2015:139)

Puisi ini menepati prinsip pendekatan moral dalam erti kata segala kejadian adalah bersifat sebagai pengalaman hidup. Melalui pendekatan moral ini, Zurinah Hassan (2010) menyatakan bahawa pendekatan ini boleh digunakan untuk menyingkap dan menyumbangkan pengalaman dan sekaligus pengetahuan. Dalam karya sastera terakam pengalaman pengarang tentang pelbagai ragam dan perlakuan manusia, yang dapat dikongsi dengan pembaca. Pengetahuan daripada pengalaman itu adalah mengenai perkara-perkara yang berkaitan diri manusia dengan aspek kehidupan seperti budaya, agama, politik, dan bahasa. Dalam hubungan ini, Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa karya sastera dalam pendekatan ini harus mampu mencontohi al-Quran. Di dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan pelbagai jenis, dan perlakuan manusia, untuk dipelajari dan dicontohi.

Penafsiran penyair tentang elemen budaya Melayu dalam puisi ini adalah berdasarkan rentetan pengalaman hidup yang dilalui seterusnya terserap dalam hasil karyanya. Walaupun budaya masyarakat Melayu yang kelihatannya mengandungi unsur hiburan namun, pengukuhan terhadap nilai-nilai kerohanian tetap di beri perhatian. Ini terlihat melalui pemahaman penyair yang memilih ungkapan “Kalau petang lepas Zuhur/mengaji quran di balaisah/balik mengaji bidas burung/atau mengail guna pelampung”. Nilai-nilai ini dapat menjana kecemerlangan dan membentuk kebijaksanaan dan kekal mengukuh sebagai jati diri semasa di alam kanak-kanak sehingga meneroka ke alam dewasa. Tegasnya sastera khususnya puisi moden telah menyediakan ruang dengan pelbagai cakupan ilmu pengetahuan. Selari dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui konsep kepustakaan yang di dalamnya terkandung iktibar dan pengetahuan yang bijaksana.

Sebagai seorang budayawan A. Aziz Deraman amat peka kepada warisan budaya Melayu. Kesedaran yang mantap tentang persepsi budaya Melayu ini, seringkali diiringi dengan pemahaman keagamaan yang teguh. Hal ini telah memancarkan jati diri kemelayuan yang lahir melalui kekuatan spiritual, dibina melalui kematangan pandangan hidup, peningkatan usia dan semangat cinta akan budaya bangsanya yang jitu. Melalui persoalan puisi dan analisis Teori Pengkaedahan Melayu yang diuraikan di atas, telah mencerminkan keunggulan jati diri Melayu yang diperoleh dan diolah dari pengalaman sebenar penyair. Penyair menghubungkan idea puisinya dengan kehidupannya. Antaranya seperti tugas penyair sebagai pelestari bahasa, sastra dan budaya Melayu yang kemudian tercermin dalam puisi-puisi jati diri Melayunya. Hal ini merupakan iltizam beliau dalam mempertahankan keaslian dan nilai yang murni serta prihatin tentang perlunya pelestarian dan pemeliharaan sesuatu budaya bangsa.

Jelasnya, penyair menulis puisi jati diri budaya menerusi landskap pengalaman dan tanggungjawab diri. Persepsi penyair terhadap kebudayaan Melayu berupa aspirasi, pengamatan dan keprihatinan beliau yang serius terhadap kepentingan budaya sebagai elemen jati diri bangsa Melayu. Sekaligus menjelaskan keupayaan sastra sebagai cerminan pemikiran dan cara hidup sesuatu bangsa. Pengkaryaan dan proses kreatif A. Aziz Deraman melalui persepsi budaya Melayu ini merupakan sumbangan seni yang penting, bernilai dan bervariasi.

5.3 Jati Diri Melayu dalam Aspek Agama

Jati diri dalam aspek agama masyarakat Melayu digambarkan penyair dalam kumpulan puisi Suara Gunung Kehidupan kumpulan puisi Gelora Nurani. Pengungkapan persoalan agama Islam merupakan satu kegemaran A. Aziz Deraman dalam karyanya. Penyair amat menekankan aspek agama. Aspek agama dijadikan penyair sebagai benteng kerohanian yang bertujuan untuk memantapkan jati diri bangsa Melayu. Kesedaran dan penghayatan dalam aspek keagamaan tergambar melalui percakapan nurani insan dengan penciptanya iaitu Allah. Di samping persoalan dakwah, akidah dan kerohanian dalam mengharapakan kebahagiaan di akhirat sebagai usaha pembentukan manusia yang seimbang. Hal ini dinyatakan oleh penyair antaranya dalam puisi berikut.

Dalam Doaku

Dalam doaku
kusebut nama-Mu
Yang maha pengasih
Yang maha penyayang
di biji-biji tasbih zikirku
kupuji benar nama-mu
tidak terhitung kali
agar jadi bunga diri.

Dalam tiada upayaku
kumohon keselamatan
di sebuah perjalanan
Kauberikanlah kebaikan
iman, ilmu, dan amal
takwa kaureda kekal.

Aku berkunjung lagi
ke tanah haram Rasul-Mu
kumohon ialah penjaga
bagiku dari azab neraka
aman dari segala seksa
burukku di perhitungan
pada hari kemudian

hapus dosa kejahatan.

Ya Allah,ya Tuhanku
masukkan daku ke pintu kebenaran
setelah kau buka pintu kerahmatan
aku diterima penuh keredaan!

(Gelora Nurani, 2015:53)

Puisi di atas memperlihatkan keupayaan penulis dalam membawa mesej dakwah iaitu tanggungjawab ke arah kebaikan melalui pengabdian kepada Allah. Dakwah pada pandangan agama ialah ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan para Rasul-Nya supaya percaya dan yakin kepada agama yang sebenarnya, iaitu agama Islam. Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan dakwah melihat sastra sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Setiap karya sastra itu dianggap boleh menyampaikan persoalan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah. Sastra di sini dapat diibaratkan sebagai ‘kitab’ yang dapat membantu insan mengenali dengan lebih dekat, sifat dan diri Tuhan sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa cinta dan hormat antara insan terhadap-Nya. Oleh itu, karya sastra dilihat mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam. Di samping itu, karya sastra juga dikatakan boleh memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat mengembang agama Islam.

Melalui ungkapan “Aku berkunjung lagi/ke tanah haram Rasul-Mu/kumohon ialah penjaga/bagiku dari azab neraka/aman dari segala seksa/burukku di perhitungan/pada hari kemudian/hapus dosa kejahatan” penyair sedar akan balasan dosa dan siksa neraka. Pengucapan sebegini bukan boleh dipaksakan, ia lahir dari rasa takwa seorang hamba terhadap penciptanya. Selaras dengan makna dakwah, sastra telah menjadi wadah untuk mengajak manusia ke arah jalan hidup yang lebih baik. Hal ini menepati Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah yang melihat fungsi sastra itu sebagai sumber pengetahuan, penyebaran ilmu dan wadah untuk menyampaikan seruan dakwah.

Penghayatan jati diri dalam aspek keagamaan turut dinyatakan oleh penyair dalam puisi berjudul “Di Langit Kaabah-Mu” yang dapat dikaitkan dengan sikap penyair yang sentiasa melahirkan puisi berunsurkan Islam. Hal ini diakui oleh Shafie Abu Bakar (2004) yang menyatakan puisi-puisi A. Aziz Deraman bertunjangkan tauhid dan dapat dilihat dalam puisi-puisinya akan kecintaan penyair dan keprihatinannya terhadap nilai budaya bangsa yang berteraskan Islam.

Di Langit Kaabah-Mu

Di langit Kaabah-mu
warna malam hitam
tetapi hakikat sinarannya itu
pancaran ke atas semesta alam
ghaib atau nyata kejadian
menaruh harap kebaikan
mahluk –Mu kerinduan
cari luas kebahagiaan,
aku antara sekalian
mohon keampunan
sebagai diri insan
kumohon pertolongan
jauh daku daripada kejahatan.

Ya Rabb! Syukurku
rukuk dan sujudku
masih tetap untuk-mu!
aku di gelora waktu
sedang tunggu reda-Mu!

(Gelora Nurani, 2015:55)

Puisi di atas menepati prinsip Pendekatan Dakwah. Dengan seruan untuk memperbaiki diri ke arah amar makruf nahi mungkar, penyair menyatakan sifat-sifat kemuliaan dan keagungan Allah Taala sebagai wadah ke arah pengukuhan akidah insan. Selain itu, puisi ini juga menepati ajaran Islam yang sentiasa menggalakkan umatnya berdoa dan meningkatkan ketakwaan insan dengan menyeru untuk berbuat baik. Hal ini penting sebagai jati diri dan pengukuhan jiwa manusia yang beriman kerana manusia hanyalah hamba yang dijadikan oleh Allah untuk beribadat kepada-Nya seperti yang dimaksudkan oleh penyair melalui ungkapan “Ya Rabb! Syukurku/rukuk dan sujudku/masih tetap untuk-mu!/aku di gelora waktu/sedang tunggu reda-Mu!”. Sebagai wadah dakwah, puisi ini menggambarkan penghayatan agama Islam dengan penganjuran amalan bertakwa sekali gus menyerlahkan jati diri Melayu-Islam dalam diri A. Aziz Deraman.

KESIMPULAN

Membicarakan dua kumpulan puisi ini iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani dari aspek jati diri Melayu memperlihatkan banyak persamaan dalam penyair menyampaikan falsafah pemikirannya. Setelah meneliti puisi-puisi terpilih dalam dua kumpulan puisi ini, tujahan idea jati diri Melayu oleh A. Aziz Deraman dilihat mempunyai perkaitan dan telah menonjolkan jati diri Melayu yang kental menunjangi kumpulan puisi ini. Dari analisis, aspek-aspek tersebut kelihatan menyatu dan saling melengkapi. Jati diri penyair ini tekal dan mengukuh terhadap aspek bahasa, budaya dan agama. Ketiga-tiga teras jati diri Melayu dalam puisi A. Aziz Deraman ini menggambarkan pemahaman dan kesedaran A. Aziz Deraman tentang aspek jati diri Melayu yang harus kekal wujud dalam dirinya dan dalam pembinaan bangsa Melayu. Kelihatan aspek agama menjadi kegemaran utama penyair dalam percakapan nuraninya yang sentiasa berusaha untuk mencari keredaan Allah.

Dengan hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa jati diri Melayu dapat ditandai melalui aspek bahasa, budaya dan agama. Jati diri Melayu boleh dicapai dan dikekalkan sekiranya pemahaman dan penghayatan terhadap aspek-aspek tersebut menjadi pegangan teguh dalam diri bangsa Melayu sehingga tidak dapat diganggu-gugat lagi. Sekaligus menjelaskan bahawa unsur bahasa, kebudayaan dan agama merupakan aspek yang penting, iaitu yang dikatakan Melayu ialah orang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup Melayu.

Kajian mendapati bahawa penggunaan prinsip-prinsip Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan adalah saling berkaitan. Pemikiran yang terungkap dalam pengkaryaan puisi yang dikaji juga adalah berasaskan budaya, agama, kosmologi dan pandangan sarwa orang-orang Melayu itu sendiri. Melalui analisis, telah ditemui ungkapan puisi yang membawa maksud tersirat, puisi yang melihat kejadian alam sebagai pengalaman hidup, puisi yang dicipta berlandaskan sebab, hikmah dan fungsi tujuan, puisi sebagai wadah meningkatkan nilai ketakwaan, puisi sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan mencari kebaikan dan keindahan puisi yang berdasarkan kepada nilai etika Islam.

Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani ketara menonjolkan unsur jati diri Melayunya yang berteraskan Islam dan sesuai dengan teori Pengkaedahan Melayu yang berasaskan bahawa karya penulis Melayu dipengaruhi oleh alam dan berpaksikan agama Islam. Berdasarkan analisis menggunakan teori Pengkaedahan Melayu, didapati puisi-puisi A. Aziz Deraman telah memperlihatkan citra jati diri Melayu melalui idealisme dan pengolahan pengkaryaan yang menyeluruh dan serius. Sifat istimewa dan utuh ini menjadi pegangan teguh dan mengukuh dalam diri penyair sehingga kelihatan pejal dan tidak dapat diganggu-gugat lagi.

RUJUKAN

- Abdul Latif Abu Bakar. (2004). *Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi. *The Asian Journal of Humanities*, 16, 59-81.

- Awang Had Salleh. (1996). Masyarakat Melayu dalam Pendidikan dan Sosiobudaya. *Pemikir*. Julai-September.
- Awang Sariyan. (2001). Mencari Melayu dalam Jati Diri Sebenar. *Dewan Budaya Jun*.
- A. Aziz Deraman. (1994). *Kau dan Aku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2001). *Bahtera Madani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2002). *Gapura Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2004). *Bicara Kasih*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- A. Aziz Deraman. (2006). *Zaman Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2009). *Mahligai Kencana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2014). *Suara Gunung Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2015). *Gelora Nurani*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Chong Ah Fok. (2008). *Kajian Novel Terpilih Brunei Darussalam dari Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Edwards, J. (2003). Bilingual Education: Basic Principles. Dalam J.M. Dewaste, A. Housen and Li Wei. *Bilingualism: Beyond Basic Principles*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Hassan Ahmad (2008). Jati Diri Bangsa Melayu Berdasarkan Pandangan Hidup Mereka: Menghayati Semula Ketahanan dan Kecemerlangan Bangsa. Dalam Ismail Adnan dan Rafie Abd Rahim (peny.) *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Hashim Awang. (1989). Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, Disember, 60 -63.
- Hashim Awang. (1993a). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan, *Dewan Sastera*, 52- 56.
- Hashim Awang. (1993b). Menilai Hidayah Dengan Pendekatan Dakwah. *Dewan Sastera*, Februari, 73-78.
- Hashim Awang.(1994). Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera*, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. (1998). Teori dan Kritikan Kesusasteraan Melayu (Bahagian Akhir). *Dewan Sastera*, Oktober, 7- 10.
- Hashim Awang. (2002, 28-29 Jun). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera Bay Resort, Melaka*.
- Ismail Adnan dan Rafie Abd Rahim (peny.). (2008). *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru : Yayasan Warisan Johor.
- Juriah Long. (2012). Kedwibahasaan dalam Sistem Pendidikan dan Kaitannya dengan Jati Diri Kebangsaan. *Jurnal Linguistik*, 16,1-23.
- Mohd Yusof Othman. (2010). *Globalisasi Cabaran Baru Abad Ini*. Bangi: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Muhamed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2002). Konsep Jati Diri dan Melayu Baru: Suatu Analisis Kritis Terhadap Cabaran dan Hala Tuju Masyarakat Melayu dalam Pensejagatan Dunia Globalisasi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2* : 155-171.
- Rummens, J. (2001). *An Interdisciplinary Overview of Canadian Research on Identity*. Toronto: University of Toronto.
- Shafie Abu Bakar (2004). Fokus Sastera Islam. Sastera Islam. Dalam Mohamed Anwar Omar Din (ed.). *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tarbouret-Keller; A. (1997). Language and Identity. Dalam F. Coulmas. (Ed). *The Handbook of Sociolinguistics*. Oxford; Blackwill Publisher.
- Zamli Toti, Ruslin Amir dan Saemah Rahman. (2014) Pembinaan Instrumen Jati Diri Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Proceeding of the Social Science Research ICSSR*, Kota Kinabalu: 664-672.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.